

30/06/2002

'Tidak mudah jadi anak Dr Mahathir'

Jamhariah Jaafar

SUDAH tiba masanya kami dapat berkumpul dalam suasana lebih tenang dan penuh mesra dalam sebuah keluarga bahagia. Selama 29 tahun kami terpaksa berkongsi kasih sayang bersama rakyat, kata Mukhriz Mahathir, anak kelima Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ramai tidak sedar bahawa bapanya sebenarnya sudah tua, dia bukan lagi Dr Mahathir 20 atau 30 tahun lalu. Akan tiba masanya dia berundur dan membuat kebajikan serta amal ibadat untuk bekalan hari kemudian, tambahnya.

Ironinya, wawancara bersama Mukhriz dibuat seminggu sebelum bapanya membuat keputusan mengejut untuk melepaskan semua jawatan dalam parti, Barisan Nasional, termasuk tugasnya seperti peneraju utama negara ini.

Pertemuan dengan Mukhriz, 37, di Pulau Layang-layang 300 kilometer dari Kota Kinabalu, Sabah, tiga minggu lalu, sebenarnya tidak dijadualkan. Dia hadir sebagai seorang daripada tetamu syarikat jam terkemuka dunia, Tag Heuer, yang membuat promosi ciptaan terbarunya.

Dr Mahathir, 76 dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mempunyai tujuh anak dan 15 cucu. Selain Mukhriz, enam yang lain ialah Datin Paduka Marina, Mirzan, Melinda, Datuk Mokhzani, Maizura dan Mazhar.

Mukhriz yang berada di luar negara ketika bapanya membuat pengumuman itu, berkata sebagai anak kepada antara 'manusia paling sibuk di dunia', beliau lebih banyak bergantung kasih kepada ibunya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

"Saya, abang dan kakak saya, bukanlah saya nak kata dibiarkan tapi kami dipertanggungjawabkan untuk menjaga diri sendiri... pandai-pandailah.

"Kami langsung tidak bergantung kepada beliau, malah usaha kami dalam segala hal perlu dilipatgandakan berbanding anak orang lain. Cabaran yang kami hadapi sentiasa berbeza sebab sentiasa berada di bawah lampu suluh, jadi walau apapun yang kami lakukan kami perlu justify dan justifykan sekali lagi," katanya.

Mukhriz, seorang ahli perniagaan, berkata disebabkan kesibukan, menjadikan bapanya tidak begitu rapat dengan anak-anak dan ibunya adalah orang yang bertanggungjawab untuk menangani pelbagai masalah yang dialami anak-anak.

"Bagaimanapun, ayah saya tetap mengambil berat mengenai kebajikan kami dan sentiasa meminta kami melakukan yang terbaik. Caranya bila beliau hendak minta orang buat, beliau takkan sebut tapi kita akan rasa seperti diamanahkan. Jadi beliau tak payah sebut, kita akan faham sendiri," katanya.

Antara perkara paling mengagumkan yang pernah dilakukan Perdana Menteri ialah bagaimana beliau membuat keputusan dalam tempoh begitu singkat supaya terumbu Layang-Layang yang terletak dalam kawasan Kepulauan Spratly, ditambah menjadi sebuah pulau dan akhirnya menjadi barisan pertahanan paling hadapan negara di Laut China Selatan.

Arahan yang dikeluarkan pada 1982 itu kini menyaksikan Pulau Layang-Layang bukan saja menjadi stesen kawalan paling hadapan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), bahkan ia kini menjadi antara destinasi menyelam paling popular di dunia selepas kehadiran Pusat Peranginan Pulau Layang-Layang.

Mukhriz mengakui hakikat sebenarnya tidak mudah menjadi anak Dr Mahathir, malah kadangkala ia boleh menjadi 'beban' yang amat berat untuk ditanggung.

Sebut saja nama anak Dr Mahathir, orang sama ada akan menjauhkan diri

atau cuba merapatkan diri tapi memiliki agenda tersembunyi. Atau sebut saja nama anak Mahathir, maka akan ada yang mencemikkan muka atau akan keluarlah kata-kata sinis... sedangkan mereka ini sebenarnya langsung tidak pernah bertemu atau mengenali diri anak Dr Mahathir ini.

"Kadang-kadang bukan setakat membebankan, tapi selalunya jenuh dan penat betul untuk meyakinkan orang bahawa kita ni bukan 'blue eye boy' atau hendak minta favours" katanya.

Menceritakan pengalaman ketika kecil, Mukhriz yang bersekolah di Sekolah Iskandar, Alor Star, hingga Darjah Tiga dan berpindah ke Sekolah Seri Petaling, mengikut bapanya yang dilantik sebagai Menteri Pendidikan pada 1974, berkata kehidupan bapanya memang sentiasa sibuk.

Sejak kecil lagi, tugas bapanya sebagai seorang doktor menyaksikan beliau bukan saja tidak pernah 'lekat' di rumah, malahan akan ada orang mengetuk pintu walaupun jam sudah menunjukkan dua atau tiga pagi.

Selepas lima tahun di Maktab Rendah Sains Mara Pengkalan Chepa, Kelantan, Mukhriz turut dijadikan 'bahan eksperimen' bapanya yang ketika ini melancarkan Program Pandang ke Timur.

Dalam kekecewaannya melihat rakan-rakan lain melanjutkan pengajian ke Amerika Syarikat, Mukhriz terpaksa berhempas pulas belajar bahasa Jepun dan mengalami kejutan budaya yang amat berlainan daripada corak kehidupannya selama lima tahun di Kelantan.

"Agaknya ketika itu bapa saya ingin membuktikan satu 'point' bahawa Amerika Syarikat bukanlah segala-galanya, program Pandang ke Timur akan lebih memanfaatkan Malaysia. Jadi daripada hantar orang lain, maka anaknya patut menjadi contoh terlebih dulu," katanya.

Ketika kecil, kata Mukhriz, waktu yang paling ditunggu ialah peluang untuk bercuti bersama bapanya.

"Itu adalah pengalaman yang sukar dilupakan kerana ayah saya ini orang ramai tak tahu dia ni ada 'sense of humour' yang agak pelik sikit. Jadi kami sentiasa gembira bila dapat perhatiannya yang tidak berbelah bagi," katanya.

Bagaimanapun, keadaan agak berubah selepas dewasa terutama apabila masing-masing sudah berkeluarga, apa lagi apabila bapa dan ibunya berpindah ke rumah rasmi mereka di Putrajaya.

"Kalau ada saja peluang kami akan sentiasa cuba bersama. Dia senang apabila berada di kalangan cucu-cucunya yang kini dah masuk 15 orang, termasuk anak saya paling kecil yang baru berusia enam bulan. Ayah selalu sebut rindukan cucu-cucunya.

"Dulu di Seri Perdana, hampir setiap kali lepas sembahyang Jumaat, kami akan pergi makan di rumahnya tapi sekarang di Putrajaya, rasa jauhlah sedikit. Sebab itu kedua-dua orang tua saya berasa agak sunyi di sana," katanya, .

Dalam menghadapi cabaran sebagai anak seorang Perdana Menteri yang populariti asyik turun naik dan adakalanya menerima teguran dan kritikan rakyat, Mukhriz yang juga ayah kepada tiga orang anak ini berkata mereka sekeluarga memang sering dikejutkan dengan tindakan ayahnya yang di luar dugaan, tetapi selalunya Dr Mahathir akan menjelaskan kedudukan sebenar kepada keluarga.

Justeru, disebabkan sudah terlalu biasa dengan pelbagai kejutan yang dibuat ayahnya, beliau adik beradik menjadi lali.

"Kadang-kadang kita tidak boleh terima. Jika berlaku perkara mengejutkan, bagi kita memang kejutan tapi kita akhirnya akan nampak perspektif ayah. Jika dia tidak jelaskan, kami sendiri akan pergi bertanya apa yang sebenar.

"Orang sering lupa dia sebenarnya berpengalaman lama dan sudah melalui macam-macam cabaran hidup.

"Bila ada masalah dia akan ada perspektif jangka panjang. Dia tahu kalau

dia usaha tapi lama kelamaan masalah itu akan selesai. Sebab tu dia yakin dari dulu lagi walaupun pada ketika dia `down', tapi jika diusaha dan dijelaskan lama kelamaan orang akan terima idea dia."

(END)